

07 JAN 2003

Gerakan-Laporan

GERAKAN SERAH LAPORAN MENGENAI PENERUSI MCA PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Parti Gerakan telah mengemukakan laporan kepada Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini berhubung dakwaannya bahawa Pengerusi MCA Pulau Pinang Wong Kam Hoong menjadi dalang di sebalik kontroversi membabitkan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang dari MCA.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, laporan itu dikemukakan kepada mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini yang memutuskan supaya perkara itu dirujuk kepada Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Terdapat persetujuan bahawa di masa depan, kita akan saling merujuk (apabila timbul isu-isu ataupun masalah) demi kepentingan BN, yang kami bersetuju secara lisan hari ini," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat itu, di sini.

Semasa diminta mengulas mengenai laporan yang dikemukakan itu, Dr Ling berkata beliau akan merujuk perkara itu kepada Wong.

"Sesiapa pun boleh membuat tuduhan tetapi mereka perlu membuktikan apa yang dikatakan itu adalah benar," katanya.

Mesyuarat Majlis Presiden MCA pada 16 Dis lepas mengesahkan keputusan Jawatankuasa Disiplin parti yang menggantung keanggotaan Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) bagi "tempoh masa yang tidak ditentukan".

Tindakan itu diambil berikutan sikap berkecuali mereka ketika pengundian usul DAP pada sidang dewan November lepas berhubung penangguhan projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 billion.

Dr Lim juga berkata Gerakan secara umumnya menyokong keputusan Dewan Tertinggi BN hari ini yang bersetuju dengan keputusan MCA untuk menggantung dua Adunnya itu.

Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata BN akan menentukan jangka masa penggantungan itu, berbanding keputusan penggantungan tanpa tempoh masa yang ditentukan sebelum ini.

-- BERNAMA

AT MAM PR